

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah-langkah untuk memperbaiki dan memudahkan komunikasi tentang SOPs untuk orang awam, termasuk warga bukan negara yang kurang faham Bahasa Malaysia supaya mengelakkan situasi “kemungkinan salah faham bahasa” yang berlaku di Pulau Pinang yang mana Ketua Polis mengatakan bahawa kumpulan di luar Masjid Juru pada Hari Raya Aidiladha (22 April 2021) telah melanggar SOP.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) menerusi agensi-agensinya seperti Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) dan Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) sentiasa komited bagi memberi pemahaman kepada rakyat Malaysia dan warga asing di negara ini mengenai Prosedur Operasi Standard, ataupun dengan izin *Standard Operating Procedure* (SOP) berkaitan usaha mengekang penularan wabak COVID-19. Usaha ini dibuat bagi memastikan setiap peringkat masyarakat termasuk warga asing memahami dan seterusnya mematuhi SOP yang sedang berkuatkuasa.

Usaha-usaha yang dilaksanakan oleh RTM adalah seperti berikut:-

- a) Hebahan berkaitan keperluan mematuhi SOP atau SOP baharu yang diperkenalkan oleh kerajaan melalui pelbagai platform iaitu semua 6 saluran televisyen milik RTM dan 34 saluran radio termasuk di negeri-negeri serta media baharu (melalui hebahan infografik, video pendek atau pesanan khidmat masyarakat) dalam pelbagai bahasa (bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin, Tamil, Orang Asli dan bahasa tempatan Sabah dan Sarawak); dan
- b) Liputan dan laporan isu berkaitan COVID-19 termasuk penguatkuasaan SOP dengan menggunakan pelbagai kaedah persembahan secara grafik, bergambar atau video agar mudah difahami dan diterima oleh semua pihak terutama pengumuman terkini kerajaan mengenai Pelan bagi mengekang penularan wabak COVID-19 yang secara tidak langsung mempunyai kaitan dengan SOP baharu.

Manakala JAPEN telah melaksanakan program mendekati rakyat bagi memberi penjelasan mengenai SOP melalui aktiviti hebahan unit bergerak menerusi program *Info on Wheels* (IOW). Program IOW melibatkan 153 Pejabat Penerangan Daerah di 14 negeri dan tiga (3) wilayah persekutuan sejak Januari 2020. Sehingga Ogos 2021 sebanyak 17,977 program di 88,105 lokasi termasuk 215 program melibatkan Orang Asli bagi menyalurkan maklumat dan membuat hebahan terus kepada kumpulan sasar di kawasan-kawasan pedalaman.

Program IOW menggunakan pelbagai dialek dan bahasa seperti empat bahasa utama (Melayu, Inggeris, Mandarin dan Tamil), di Sabah (Kadazan Dusun, Bajau dan Murut) dan Sarawak (Iban, Melanau dan Melayu Sarawak) serta bahasa lain (Siam, Jawa, Bugis, Myanmar dan Bangladesh) bagi mendekati masyarakat dan pendatang asing yang ada dalam negara ini. Di samping itu, loghat tempatan seperti loghat Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Utara, Kelantan dan Terengganu digunakan dalam hebahan agar matlamat penyampaian maklumat kerajaan disampaikan secara holistik dan difahami di seluruh negara.